



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

HAMPIR RM 102.6 JUTA TELAH DISALURKAN KEPADA 568 BUAH PPDK SELURUH MALAYSIA UNTUK MANFAAT OKU PADA TAHUN 2022

SEPANG, 10 SEPTEMBER - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini telah menyempurnakan perasmian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Autisme Berkefungsian Tinggi (HFA) di Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya. Dalam majlis ini, YB Datuk Seri Rina juga telah menyampaikan sumbangan Bantuan Kewangan Tambahan Kerajaan sebanyak RM225,679.65 untuk manfaat 22 buah PPDK di beberapa buah negeri. **Bagi Tahun 2022, Kerajaan telah memperuntukkan bantuan kewangan sejumlah RM 102,548,958.40 juta yang telah disalurkan kepada 568 buah PPDK seluruh Malaysia melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).**

PPDK merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Pemulihan Dalam Komuniti atau *Community Based Rehabilitation Programme* kendalian JKJ yang menumpukan kepada penyediaan premis dan kemudahan untuk pemulihan, pendidikan, aktiviti dan latihan khusus bagi mengintegrasikan OKU ke dalam masyarakat. PPDK HFA ini merupakan salah satu PPDK di seluruh negara yang fokus kepada anak-anak autisme peringkat 1 berusia 8 hingga 12 tahun.

Dalam majlis yang sama, YB Datuk Seri Rina turut menyerahkan Kad OKU kepada lima (5) orang OKU dari Daerah Sepang yang telah diluluskan pendaftaran mereka. Sehingga 31 Ogos 2022, terdapat seramai 619,273 orang OKU yang berdaftar di dalam Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), JKM. Walau bagaimanapun, jumlah OKU berdaftar masih kecil berbanding anggaran sebanyak 15 peratus iaitu lebih kurang 4.8 juta orang populasi negara terdiri daripada golongan OKU. Sehingga ke hari ini, hanya 2.05% OKU berdaftar berbanding jumlah populasi penduduk Malaysia. Pendaftaran OKU adalah sangat signifikan bagi membolehkan pihak Kerajaan membuat perancangan yang teliti secara holistik dan dapat menggubal dasar yang bersesuaian dengan keperluan OKU.

“Berdasarkan semakan data melalui Sistem Pengurusan Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), JKM di daerah **Selangor sehingga 31 Ogos 2022, seramai 3,380 orang (1.1%)** OKU yang telah berdaftar berbanding jumlah keseluruhan penduduk di sini. Bagi memastikan golongan OKU tidak tercicir daripada perhatian dan sokongan Kerajaan selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) **telah memilih daerah Selangor sebagai Projek Rintis** bagi meningkatkan dan mempromosikan pendaftaran OKU secara agresif. Projek rintis ini akan bermula **10 September 2022 sehingga 31 Oktober 2022.**”, kata YB Datuk Seri Rina.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membangunkan Modul Permohonan Pendaftaran OKU Secara Dalam Talian yang dikenali sebagai MyDaftar OKU dan mula **dilaksanakan mulai 01 November 2021** dalam usaha menggalakkan lebih ramai OKU berdaftar. Melalui MyDaftar OKU, pendaftaran OKU dipermudahkan

dengan memastikan permohonan, kelulusan dan Kad OKU disampaikan secara dalam talian sepenuhnya bagi kategori OKU yang jelas.

Kementerian melalui JKM sentiasa komited untuk memperkasakan OKU dalam aspek pemulihan, pembangunan dan pengintegrasian dalam komuniti. Usaha berterusan ini diharapkan dapat membantu rakyat amnya dan golongan OKU khasnya bagi mendapatkan perkhidmatan tanpa ada diskriminasi selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

Disediakan oleh **Unit Perhubungan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**
No.Telefon 03-8323 1773
Tarikh dikeluarkan 7 September 2022